

16 MAY 2001

Vajpayee-Pulang (Bergambar)

VAJPAYEE BERLEPAS PULANG SELEPAS LAWATAN EMPAT HARI KE MALAYSIA

SEPANG, 16 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri India Atal Bihari Vajpayee berlepas pulang hari ini selepas melakukan lawatan empat hari ke Malaysia yang berjaya meningkatkan lagi hubungan antara kedua-dua negara dalam pelbagai bidang.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berada di Kompleks Bunga Raya Lapangan terbang Antarabangsa KL (KLIA) untuk mengucapkan selamat pulang.

Yang turut hadir ialah Timbalan Menteri Penerangan Datuk Khalid Yunus, selaku menteri pengiring dan Persuruhjaya Tinggi India ke Malaysia, Veena Sikri.

Pesawat khas Air India yang membawa Vajpayee dan 135 anggota delegasi berlepas pada kira-kira pukul 2.20 petang.

Sebelum itu, Vajpayee hari ini menyampaikan ucapan bertajuk "India dan Asean Berkongsi Perspektif" anjuran Institut Diplomasi dan Hubungan Luar, di sini.

Vajpayee telah berbincang dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai pelbagai isu antarabangsa dan serantau membabitkan kepentingan bersama.

India dan Malaysia juga menandatangani beberapa perjanjian dan memorandum persefahaman yang termasuk visa dan percukaian berganda.

Semalam, Vajpayee menyampaikan ucapan pada Forum Perniagaan Malaysia-India dan melawat Pameran Teknologi Malaysia di Pusat Dagangan Dunia Putra.

Lawatan itu adalah kunjungan pertama Vajpayee ke Malaysia.

-- BERNAMA

RV RZS AFY LAT